

Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, Vol. 43 (1) (July 2016): 65-89  
@ School of History, Politics & Strategy, UKM; ISSN 2180-0251 (electronic), 0126-5644 (paper)

**SAH-HADIYATAN** Ismail  
Universiti Sains Malaysia

## AMERIKA SYARIKAT DAN KONFRONTASI INDONESIA-MALAYSIA 1963-1966

*Dalam bulan Januari 1963, Indonesia telah melancarkan polisi Konfrontasi terhadap Malaysia. Polisi Konfrontasi ini bertujuan untuk melemahkan Malaysia dan menggugat pihak berkuasa di Sarawak dan Sabah sehingga penyelesaian yang menguntungkan Indonesia dapat dicapai. Artikel ini memberikan tumpuan kepada tindak balas polisi Amerika Syarikat terhadap situasi di Asia Tenggara berikutan dengan perisytiharan Konfrontasi oleh Presiden Sukarno terhadap Malaysia. Pada hakikatnya, hubungan di antara Malaysia dan Amerika Syarikat telah mencapai satu tahap baharu pada tahun-tahun 1963-1966 semasa ketika Konfrontasi. Buat pertama kali, Amerika Syarikat telah memainkan peranan aktif dalam hal ehwal politik Malaysia. Kuasa besar itu telah menunjukkan sikap mengambil berat tentang perkembangan konfrontasi kerana ia mengancam kestabilan Asia Tenggara. Peristiwa Konfrontasi juga serta secara tidak langsung melibatkan Amerika Syarikat di bawah perjanjian ANZUS (Australia, New Zealand, dan Amerika Syarikat). Pada masa yang sama, Amerika Syarikat juga ingin mengukuhkan elemen-elemen anti-komunis dalam pentadbiran Indonesia. Di samping itu kedua-dua pentadbiran Presiden Kennedy dan kemudiannya Presiden Johnson juga memberikan perhatian yang besar dalam kegiatan anti-komunis di Indochina. Amerika Syarikat bimbang Konfrontasi mungkin merebak menjadi perang terbuka dan telah mengambil langkah-langkah bagi mengalakkan perdamaian kepada pertikaian ini. Walau bagaimana pun, Amerika Syarikat tidak menyelesaikan Konfrontasi.*

**Kata Kunci:** Perjanjian ANZUS, Malaysia, Konfrontasi, Amerika Syarikat, Dasar Luar

*In January 1963 Indonesia launched the policy of 'confrontation' (Konfrontasi) towards Malaysia. The policy of Konfrontasi was designed to undermine Malaysia and to upset constituted authority in Sarawak and Sabah to a point where a settlement favourable to Indonesia can be worked out. The focus of this study is on how the United States' policy reacted to the situation in Southeast Asia with the advent of Konfrontasi. The relationship between the United States*

*and Malaysia reached a new stage in the period of 1963-1966. For the first time, the United States exercised an active role in Malaysia's political affairs. The United States viewed the developments of Konfrontasi with deep concern because it would affect the stability of this region and it indirectly involved the United States under the ANZUS (Australia, New Zealand and the United States) Treaty. At the same time, the United States wanted to strengthen the anti-Communist elements in the Indonesian administration. Both the Kennedy and Johnson administration were already concerned and preoccupied with the growth of Communism in Indochina. The United States was worried that Konfrontasi might escalate into an open war and had taken effort to encourage a peaceful solution to this dispute. This effort however, did not settle Konfrontasi.*

**Keywords:** *Malaysia, Indonesia, Confrontation, United States, Foreign Policy*

## **Pengenalan**

Amerika Syarikat melihat cadangan penubuhan Malaysia yang dianjurkan oleh British dan Kerajaan Malaya sebagai langkah untuk mengawasi ancaman komunis di Singapura yang mempunyai populasi kaum Cina yang besar.<sup>1</sup> Hal ini terutamanya selepas bulan Jun 1961 apabila Singapura menjadi tumpuan kepada aktiviti subversif komunis. Sayap kiri Parti Tindakan Rakyat yang bersikap militan dibawah pimpinan Lim Chin Siong telah berpisah dan membentuk Barisan Sosialis. Barisan Sosialis seterusnya berkempen untuk menggulingkan kerajaan Singapura yang sebelum ini mereka sokong. Situasi ini juga menjadi semakin buruk pada pertengahan tahun 1961 berikutan kekacauan buruh yang berlaku di Singapura. Perdana Menteri Singapura dan pemimpin-pemimpin puak sederhana kelihatan telah mula hilang pengaruh kepada pihak komunis dalam kesatuan buruh.<sup>2</sup> Pemimpin Melayu dan pemimpin Cina konservatif di Malaya juga terkejut dengan perkembangan ini dan bimbang kemunculan Singapura yang merdeka dan pro-Peking.

Dari aspek yang lain, penubuhan Malaysia juga bertujuan untuk mengurangkan perbelanjaan ketenteraan British di seluruh Asia Tenggara sebagaimana arahan MacMillan kepada Kementerian Luar dalam tahun 1961.<sup>3</sup> Arahan untuk mengurangkan perbelanjaan ketenteraan ini merupakan sebab mengapa permintaan bantuan untuk meningkatkan ketenteraan di Malaya bagi persediaan untuk komitmen selepas pembentukan Malaysia ditolak. Dalam tahun 1962 Britain membelanjakan \$420 juta setahun untuk mengekalkan pasukan tentera di Timur Jauh, \$140 juta untuk perkhidmatan, dan \$280 juta untuk peralatan sokongan di United Kingdom. British komited untuk menilai semula sumbangannya dalam program pertahanan menjelang tahun 1965.

Bagi pentadbiran Amerika Syarikat, mereka mengambil berat perkembangan rancangan pembentukan Malaysia terutama dari awal tahun 1962 sehinggalah pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Tentangan yang kuat diterima dari Indonesia dan Filipina telah menyebabkan Amerika Syarikat khawatir mengenai kestabilan rantau Asia Tenggara. Walau bagaimana pun, Amerika Syarikat tidak pernah terlibat dalam rundingan pembentukan Malaysia ataupun secara rasmi diminta pendapat oleh Britain atau Persekutuan Tanah Melayu.<sup>4</sup>

Dalam memorandum kepada Presiden Kennedy bertarikh 17 Februari 1963, Setiausaha Negara Dean Rusk menyatakan Amerika Syarikat mengikuti perkembangan rancangan penubuhan Malaysia dengan rapat. Amerika Syarikat tidak menentang rancangan penubuhan itu dan British menganggap tindakan Amerika mendiamkan diri ini sebagai satu sokongan. Amerika Syarikat menganggap penubuhan Persekutuan Malaysia sebagai penyelesaian paling baik yang boleh dicapai bagi menjaga kebajikan pendudukan dikawasan tersebut pada masa depan.<sup>5</sup> Hal ini juga diakui oleh Presiden Kennedy dalam sidang akhbar pada 14 Februari apabila Presiden Kennedy menyatakan bahawa Amerika Syarikat menyokong penubuhan Malaysia. Beliau juga yakin Malaysia akan berjaya dan menyatakan "*it is now under pressure from several areas (the Philippines and Indonesia). But I'm hopeful it will sustain itself, because it's the best hope of security for that very vital part of the world*".<sup>6</sup>

Amerika Syarikat juga merasakan pembentukan Malaysia sebagai alternatif terbaik bagi mewujudkan kestabilan di rantau Asia Tenggara. Dalam perbualan dengan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak pada 24 April 1963 di Washington<sup>7</sup> Presiden Kennedy sekali lagi menegaskan yang beliau telah mempertimbangkan perkara ini (pembentukan Malaysia) dengan mendalam sejak 14 Februari dan melihat tidak ada sebab untuk Amerika Syarikat mengubah pendirian dari terus menggalakkan dan menyokong rancangan penubuhan Malaysia.<sup>8</sup> Tun Abdul Razak juga memaklumkan Presiden Kennedy bahawa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan penduduknya sangat berterima kasih atas sokongan Amerika Syarikat.

## **Konfrontasi dan Pertahanan Malaysia**

Pada awal bulan Februari 1963, pegawai-pegawai Amerika Syarikat telah bertemu dengan wakil-wakil kerajaan Britain, Australia, dan New Zealand bagi membincangkan mengenai pertahanan Malaysia. Dalam pertemuan ini, kerajaan Amerika Syarikat menegaskan bahawa Britain dan Persekutuan Tanah Melayu bertanggungjawab sepenuhnya dalam penubuhan Malaysia. Dalam pada itu mereka menegaskan bahawa kerajaan Amerika Syarikat tidak akan memikul sebarang tanggungjawab dan tidak berniat untuk menghulurkan bantuan ketenteraan atau bantuan ekonomi kepada negara Malaysia yang akan ditubuhkan. Walau bagaimanapun Amerika Syarikat akan

memberikan bantuan kepada Malaysia sebagai sebuah negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) daripada sebarang keganasan daripada luar, sebagaimana bantuan yang biasa diberikan oleh Amerika Syarikat kepada mana-mana negara ahli PBB.<sup>9</sup> Hal ini juga bertepatan dengan *Statement of Policy on US Policy in Mainland Southeast Asia* yang juga dikenali sebagai NSC 6012. Polisi ini menyatakan Amerika Syarikat akan membantu negara-negara di rantau Asia Tenggara berasaskan kehendak dan kemampuan negara-negara ini memperkukuh dan mempertahankan kemerdekaan mereka. Bantuan ketenteraan mestilah mendapat kelulusan daripada Kongres Amerika Syarikat. Presiden juga boleh mengambil langkah segera sekiranya keadaan kecemasan yang berlaku menjejaskan kepentingan utama Amerika Syarikat.<sup>10</sup>

Sementara itu bagi kerajaan British pula, mereka menganggap bahawa mereka terikat untuk mempertahankan Malaysia daripada dasar Konfronasi yang sedang dilancarkan oleh pihak Indonesia. Hal ini kerana British terikat dengan komitmen di bawah Perjanjian Pertahanan Anglo-Malayan 1957 dan juga kerana tanggungjawab moral bagi memastikan Malaysia wujud dengan permulaan yang baik.<sup>11</sup> Komitmen rasmi Britain untuk mempertahankan Malaysia berpanjangan daripada Perjanjian Pertahanan Anglo-Malayan pada Oktober 1957 ketika Persekutuan Tanah Melayu baru mencapai kemerdekaan dan menjadi ahli Komanwel British. Ketika rundingan mengenai penubuhan Malaysia di antara Britain dan Persekutuan Tanah Melayu pada bulan November 1961, satu deklarasi mengenai hasrat untuk meneruskan komitmen pertahanan British kepada Tanah Melayu ke seluruh negeri-negeri Malaysia yang baharu dan British berhasrat untuk terus menggunakan pengkalan tenteranya di Singapura telah dikeluarkan. Australia dan New Zealand juga terlibat sama dalam perjanjian ini juga bersetuju dengan terma-terma perjanjian yang melibatkan mereka. Sementara itu, perjanjian pertahanan tahun 1957 juga menjanjikan bantuan Britain dalam pertahanan Tanah Melayu. Ia termasuk mengenai latihan kepada pasukan pertahanan Persekutuan Tanah Melayu dan penempatan pasukan tentera bagi memenuhi keperluan Komanwel dan tanggungjawab antarabangsa.<sup>12</sup> Perjanjian Pertahanan Anglo-Malaya kemudiannya meliputi kesemua negeri-negeri Malaysia yang baru ditubuhkan.

Pada masa yang sama, Australia dan New Zealand mempunyai perjanjian pertahanan dengan Amerika Syarikat iaitu Perjanjian ANZUS (Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat) yang dimetrai dalam tahun 1951. Dalam perjanjian ANZUS Amerika Syarikat berjanji untuk membantu Australia dan New Zealand sekiranya keselamatan negara tersebut terancam. Situasi ini telah menyebabkan Amerika Syarikat bertanggung jawab untuk membantu Australia dan New Zealand, manakala Australia dan New Zealand terikat membantu Britain dan Malaysia. Kedua-dua Australia dan New Zealand terlibat dalam *Commonwealth Strategic Reserve* di Malaysia. Perikatan ANZUS secara tidak langsung menghubungkan Amerika Syarikat dengan pertahanan Malaysia ketika Konfrontasi berasaskan kepada komitmen

secara tidak langsung negara-negara yang terlibat dalam perjanjian tersebut. Perkara ini dapat diperhatikan melalui kenyataan yang terkandung dalam Perjanjian ANZUS yang antara lain menyatakan bahawa “*in matters of defence Australia, New Zealand and the United States stand as one and a threat to any of the partners in the area, metropolitan and island territories alike, is equally a threat to the others*”.<sup>13</sup> Oleh yang demikian apabila Australia dan New Zealand terlibat dalam dalam Konfrontasi, Amerika Syarikat sedar akan kemungkinan untuk terlibat sama dalam konflik kerana hubungannya dalam ANZUS. Hal ini telah dinyatakan oleh Roger Hilsman dalam satu lawatannya di Sydney yang antara lain menyatakan bahawa Amerika akan terlibat dalam perang sekiranya ANZUS terlibat sebagaimana syarat-syarat perjanjian tersebut. Amerika Syarikat menggalakkan Australia dan Britain untuk mengelakkan diri dari mengambil sebarang tindakan atau mengeluarkan kenyataan yang menyebabkan Sukarno cenderung kepada tindakan yang lebih memusuhi mereka sehingga boleh mencetuskan peperangan yang melibatkan ahli-ahli ANZUS.

Sementara itu dalam mesyuarat Majlis ANZUS di Wellington New Zealand pada 5 Jun 1963, W. Averell Harriman menjelaskan sekiranya pasukan tentera Australia dan New Zealand di Malaysia diserang, tanggung jawab Amerika Syarikat di bawah ANZUS akan dikuat kuasakan.<sup>14</sup> Pada 7 Jun, dalam satu pertemuan dengan menteri kabinet Australia di Canberra, Harriman memaklumkan bahawa Amerika Syarikat berharap Australia akan meneruskan komitmennya kepada Malaysia sebagaimana yang diberikan kepada Persekutuan Tanah Melayu. Harriman menjelaskan sekiranya berlaku masalah keselamatan dalam negara, ianya menjadi tanggungjawab Malaysia dan negara komanwel British, tetapi sekiranya berlaku serangan secara terbuka terhadap pasukan tentera Australia yang ditempatkan di Malaysia, Perjanjian ANZUS akan dikuatkuasa.<sup>15</sup> Penguatkuasaan Perjanjian ANZUS ini tanpa mengira penyebab keganasan kerana ANZUS berbeza dengan SEATO yang menyatakan hanya akan bertindak ke atas keganasan yang dilakukan oleh komunis.

Namun begitu, pendirian AS mengenai Konfrontasi tidak seiringan dengan negara sekutunya dalam ANZUS iaitu Australia. Dalam perjumpaan di antara Presiden Kennedy dan Perdana Menteri Australia Robert Menzies pada 8 Julai 1963 di Washington, Menzies menyatakan Australia pada masa tersebut tidak mempunyai sebarang komitmen terhadap Persekutuan Tanah Melayu tetapi sedang memikirkan untuk memberikan komitmennya.<sup>16</sup> Menzies menegaskan beliau agak keberatan untuk memberikan komitmennya melainkan beliau pasti yang Amerika Syarikat akan membantu sekiranya Australia berada dalam kesukaran. Presiden Kennedy bersetuju tentang perkara ini dan bagi Amerika Syarikat, Australia sepatutnya tahu komitmen sebenar Amerika Syarikat di bawah perjanjian ANZUS dan Sukarno serta pihak lain juga patut mengetahui mengenainya.<sup>17</sup>

Sementara itu dalam perjumpaan dengan Lord Home, Setiausaha Luar British, pada 4 Oktober 1963, Presiden Kennedy sekali lagi menyatakan Amerika Syarikat mempunyai hubungan yang tidak langsung dengan Malaysia menerusi ANZUS.<sup>18</sup> Amerika Syarikat juga telah mengkaji tanggungjawab dan tindakan yang sepatutnya diambil di bawah Perjanjian ANZUS. Memorandum daripada Jabatan Negara kepada Presiden Kennedy bertarikh 14 November 1963 menyatakan “Dalam Perjanjian ANZUS, Artikel IV dan V menyatakan dalam sekiranya berlaku serangan bersenjata di kawasan Pasifik ke atas mana-mana negara ahli perjanjian termasuklah ke atas pasukan bersenjata negara ahli, setiap ahli dalam perjanjian akan bertindak menghadapi serangan secara bersama menurut proses-proses perlembagaan.<sup>19</sup> Dalam konteks Malaysia, pertahanan negara itu sendiri tidak akan menyebabkan perjanjian ANZUS terpakai tetapi sebarang serangan bersenjata ke atas pasukan tentera, kapal awam, atau kapal terbang Australia dan New Zealand, Amerika Syarikat akan bertindak di sebagaimana yang dinyatakan dalam perjanjian ANZUS tersebut.

Di samping Perjanjian ANZUS, Amerika Syarikat juga secara tidak langsung terlibat untuk mempertahankan Malaysia melalui Perjanjian SEATO. Kuasa besar itu terikat untuk mempertahankan wilayah British di Asia Tenggara sebagaimana yang terkandung dalam terma perjanjian tersebut. Sehingga tahun 1957, Tanah Melayu sebagai wilayah Britain, dilindungi oleh SEATO disebabkan keahlian Britain dalam perjanjian tersebut. Secara teori, selepas kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1957 dan pembentukan Malaysia dalam tahun 1963, perlindungan SEATO terhadap Malaysia hanya dengan persetujuan semua ahli kepada Perjanjian SEATO. Namun amalannya, Malaysia memperoleh perlindungan di bawah Perjanjian SEATO melalui Perjanjian Pertahanan Anglo-Malayan dengan Britain. Walaupun Perjanjian SEATO tidak akan bertindak balas disebabkan oleh Malaysia, namun Britain, Australia dan New Zealand sebagai ahli Perjanjian SEATO boleh menggunakan Perjanjian SEATO sekiranya tentera Britain, Australia dan New Zealand diserang di Malaysia. Perbincangan telah diadakan di Washington dalam bulan Oktober 1963 di antara Menteri Luar Australia Garfield Barwick dan W. Averell Harriman dari Jabatan Negara Amerika Syarikat mengenai komitmen Australia terhadap pertahanan Malaysia.

Kedudukan pertahanan Malaysia sekali lagi dibincangkan di Mesyuarat Empat Kuasa Mengenai Indonesia dan Malaysia yang diadakan dari 16 hingga 18 Oktober 1963. Wakil-wakil dari Australia, New Zealand, Britain, dan Amerika Syarikat bertemu di Washington bagi menilai situasi yang timbul akibat konfrontasi Indonesia ke atas Malaysia. Dalam pertemuan ini, wakil-wakil dari Australia, New Zealand dan Britain mengesahkan bahawa bantuan ekonomi dan ketenteraan kepada Persekutuan Tanah Melayu (Malaysia) adalah tanggungjawab Komanwel.<sup>20</sup> Dalam perbualan dengan Presiden Kennedy, Harold Holt, Setiausaha Kewangan Australia menjelaskan bahawa Perdana Menteri Australia Robert Gordon Menzies telah memaklumkan

kepada Dewan Perwakilan Australia mengenai kesediaan Australia untuk memberikan bantuan ketenteraan bagi mempertahankan Malaysia sekiranya berlaku sebarang penaklukan bersenjata atau kegiatan subversif yang samada disokong, diarah, atau berpunca dari luar negara Malaysia. Kenyataan jaminan bantuan dari Australia ini merupakan satu kenyataan yang paling kukuh pernah dinyatakan oleh Australia.<sup>21</sup> Komitmen secara terbuka yang begitu kuat ini telah dikeluarkan oleh Australia ini merupakan kesan daripada kenyataan W. Averell Harriman, Penolong Setiausaha Negara Amerika Syarikat bagi Hal Ehwal Timur Jauh mengenai Perjanjian ANZUS iaitu Amerika Syarikat akan membantu Australia sekiranya keselamatan Australia terancam. Kenyataan ini memberikan kesan kepada Australia kerana pengaruh kedudukan Harriman dalam pentadbiran Amerika Syarikat.<sup>22</sup>

### **Konfrontasi dan Amerika Syarikat**

Pada hakikatnya peristiwa Konfrontasi tidak menjejaskan perdagangan antara Malaysia dan Amerika Syarikat. Dalam bulan Oktober 1963, Jabatan Perdagangan Amerika Syarikat menghantar misi perdagangan dan pembangunan ke Malaysia bagi meningkatkan perdagangan antara kedua negara.<sup>23</sup> Misi perdagangan ini dilaporkan telah memperolehi 232 peluang untuk firma Amerika Syarikat mengeksport produk mereka ke Malaysia dan memperolehi 70 peluang untuk ahli perniagaan Amerika melabur di Malaysia. Nilai eksport Amerika Syarikat ke Persekutuan Tanah Melayu telah meningkat dari AS\$58.8 juta dalam tahun 1960 kepada AS\$69.9 juta dalam tahun 1961 dan AS\$82.2 juta dalam tahun 1962. Walau bagaimanapun hubungan ekonomi Malaysia-Amerika Syarikat dicemari dengan kebimbangan Malaysia mengenai kejatuhan harga timah dan getah serta ketidak selesaan Malaysia terhadap tindakan program stok penimbal Amerika Syarikat terhadap kedua-dua komoditi tersebut. Harga purata getah dalam tahun 1964 telah jatuh sebanyak 35% berbanding dengan tahun 1960 dan pengeluaran stok penimbal getah Amerika Syarikat telah menyebabkan masalah ini bertambah meruncing dan memberikan masalah kepada ekonomi Malaysia.

Sebelum berlakunya Konfrontasi, Amerika Syarikat mengekalkan program bantuan yang minimal di Indonesia yang bertujuan untuk mengukuhkan elemen anti-komunis dalam petembungan yang akan berlaku selepas Sukarno berundur, dan untuk memberikan Amerika Syarikat pengaruh ke atas polisi-polisi Sukarno bagi keuntungan Amerika Syarikat seperti dalam perjanjian minyak. Dalam tahun 1963, Amerika Syarikat telah memberikan Indonesia bantuan berjumlah AS\$53.2 juta.<sup>24</sup> Bantuan ini termasuklah bantuan teknikal kepada kumpulan sivil, polis dan pegawai yang terlibat dalam tindakan sivil, penghapusan malaria, senjata, latihan dan komunikasi. Indonesia juga menerima pinjaman sebanyak AS\$17 juta.



Kepentingan Amerika Syarikat yang paling utama di Indonesia ialah minyak. Dalam tahun 1964 Amerika Syarikat dianggarkan memiliki harta berkaitan minyak bernilai AS\$500 juta di Indonesia. Bagi menjaga kepentingan ini, Amerika Syarikat menghadapi dilemma untuk mengenakan polisi baru yang lebih keras terhadap Indonesia. Tujuan polisi Amerika Syarikat ini mempunyai dua matlamat iaitu menghentikan konfrontasi terhadap Malaysia serta mengekalkan situasi di kawasan tersebut, dan mempengaruhi hala tuju pembangunan Indonesia dalam jangka panjang supaya selari dengan keperluan keselamatan Amerika Syarikat.<sup>25</sup> Amerika Syarikat bimbang sekiranya semua bantuan kepada Indonesia diberhentikan, Sukarno akan merampas semua harta syarikat minyak dan kepentingan ekonomi Amerika Syarikat di Indonesia dan memutuskan hubungan diplomatik. Amerika Syarikat bercadang untuk mengenakan syarat yang ketat ke atas semua aspek bantuan dan perdagangan dengan Indonesia, dan sekiranya situasi dan sikap Indonesia memerlukan kawalan, pemotongan bantuan secara progresif akan dilakukan.<sup>26</sup> Kelemahan utama polisi ini ialah risiko kritikan dari dalam negara Amerika Syarikat sendiri terhadap penerusan bantuan dan sikap berbaik dengan Sukarno. Hal ini juga akan menyebabkan pihak Indonesia beranggapan bahawa Amerika Syarikat tidak tegas dalam penentangannya terhadap polisi konfrontasi Indonesia. Penerusan bantuan kepada Indonesia juga akan menyebabkan ketidakpuasan hati United Kingdom dan Malaysia.

Melihat kepada kepentingan kedua-dua Indonesia dan Malaysia terhadap kepentingan Amerika Syarikat, Amerika Syarikat berada dalam kedudukan yang sukar ketika Konfrontasi. Malaysia tidak berpuas hati terhadap bantuan Amerika Syarikat kepada Indonesia. Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia menampelak Amerika Syarikat kerana memberi bantuan ketenteraan kepada Indonesia dan pada masa yang sama memberikan sokongan kepada Malaysia.<sup>27</sup> Kerajaan Malaysia juga mendakwa Amerika Syarikat menjual peralatan kapal terbang yang telah digunakan untuk menggugat kedaulatan Malaysia. Lord Carrington, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar<sup>28</sup> Kerajaan British juga mengeluarkan bantahan kepada kerajaan Amerika Syarikat kerana menjual senapang jenis 'Armelite' buatan Syarikat Colt kepada Indonesia.<sup>29</sup> Amerika Syarikat walau bagaimana pun menafikan hal ini menyatakan ia telah mengantung penghantaran senjata kepada Indonesia dalam bulan September 1963.<sup>30</sup>

Kedua-dua pentadbiran Kennedy dan Johnson ingin melihat pertikaian di antara Malaysia dan Indonesia diselesaikan dengan aman bagi mengelak peningkatan pengaruh komunis di rantau Asia Tenggara. Pada masa yang sama perhatian Amerika Syarikat juga tertumpu kepada Vietnam.<sup>31</sup> Amerika Syarikat juga percaya keselamatan di Asia Tenggara bergantung kepada kehadiran kuasa barat yang kuat bagi mengekang pengaruh komunis sehingga negara-negara Asia Tenggara mampu mempertahankan diri mereka sendiri. Dalam hal ini, penyelesaian Konfrontasi yang melibatkan pengunduran tentera



Amerika Syarikat atau Britain dari rantau ini tidak akan diterima oleh Amerika Syarikat. Amerika Syarikat bersetuju bahawa kehadiran tentera British adalah perlu sehinggalah Britain dan Malaysia memutuskan kehadiran tentera British tersebut tidak diperlukan lagi.<sup>32</sup> Charles F. Baldwin, Duta Amerika Syarikat di Kuala Lumpur percaya Britain sangat komited terhadap tugas-tugasnya melindungi Malaysia tetapi Amerika Syarikat berasa gembira sekiranya dapat membantu meringankan sedikit beban yang ditanggung oleh Britain.<sup>33</sup>

Perkembangan selanjutnya menyaksikan perubahan pendekatan AS terhadap Indonesia apabila Presiden Johnson menggantikan Kennedy dalam pertengahan bulan November 1963. Presiden AS yang baharu ini telah mengambil pendekatan yang lebih keras terhadap Indonesia. Beliau enggan menandatangani Pindaan Broomfield yang menyatakan Presiden perlu mengesahkan penerusan bantuan ekonomi adalah satu keperluan kepada kepentingan negara<sup>34</sup> Pindaan Broomfield adalah pindaan kepada undang-undang bantuan luar yang melarang sebarang bantuan ketenteraan kepada Indonesia dan memerlukan penentuan khas Presiden yang bantuan ekonomi kepada Indonesia adalah penting kepada keselamatan Amerika sebelumnya diteruskan.<sup>35</sup> Selain daripada meneruskan bantuan ekonomi kepada Indonesia, Presiden Johnson meminta Setiausaha Pertahanan, McNamara mengemukakan senarai terperinci mengenai apa yang diperolehi oleh Indonesia di bawah bantuan Amerika Syarikat. Beberapa bulan kemudian, Amerika Syarikat telah memotong baki bantuan kepada Amerika Syarikat dan ketegangan di antara Amerika Syarikat dan Indonesia mula meningkat. Presiden Johnson memaklumkan kepada McNamara yang Amerika tidak seharusnya menggalakkan Sukarno untuk melakukan perkara yang sedang dilakukan di Asia Tenggara (konfrontasi dengan Malaysia). Beliau selanjutnya menyatakan bahawa sebarang bantuan kepada Sukarno akan menunjukkan kelemahan di pihak Amerika Syarikat.<sup>36</sup> Kenyataan Presiden Johnson ini telah dipersetujui oleh Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat. Namun begitu, walaupun Presiden Johnson enggan menandatangani pindaan tersebut, beliau bersetuju bahawa Amerika Syarikat perlu mengambil langkah terakhir dalam usaha mewujudkan perdamaian dengan menghantar perutusan Presiden di peringkat tertinggi untuk bertemu dengan Sukarno, Tunku dan Macapagal.

Polisi Amerika Syarikat di Asia Tenggara dipengaruhi oleh tindakan mengekang pengaruh komunis. Dalam surat kepada Jabatan Negara pada bulan Januari 1964, Duta Amerika Syarikat di Kuala Lumpur Charles F. Baldwin menggariskan polisi-polisi yang sewajarnya diambil oleh Amerika Syarikat terhadap Malaysia. Baldwin mencadangkan antara lain Amerika Syarikat seharusnya meneruskan sokongan positif kepada Malaysia dan menentang percubaan Indonesia untuk memusnahkan Malaysia.<sup>37</sup> Amerika Syarikat juga dengan sedaya upaya menggalakkan penyambungan semula hubungan di antara Malaysia dan Filipina serta menghidupkan kembali Persatuan Asia Tenggara (Association of Southeast Asia). Di samping itu, galakan juga harus diberikan

dalam bidang lain yang akan meningkatkan kerjasama di antara Thailand, Malaysia dan Filipina.<sup>38</sup>

Pada 13 Januari 1964, Presiden Johnson mengumumkan Peguam Negara Robert Kennedy akan ke Asia Tenggara dalam misi mewujudkan perdamaian dan menyelesaikan masalah Konfrontasi. Idea untuk mewujudkan Misi Kennedy (*Kennedy Mission*) berasal dari Howard Jones dan disokong oleh Roger Hilsman, Penolong Setiausaha Negara bagi Hal Ehwal Timur Jauh W. Averell Harriman dan juga oleh Pembantu Khas kepada Presiden untuk Hal Ehwal Timur Jauh Michael Forrestal.<sup>39</sup> Presiden Johnson telah mengarahkan Peguam Negara Robert Kennedy untuk bertemu dengan Sukarno di Tokyo. Terdapat dua tujuan pertemuan ini. Pertama ialah untuk menjelaskan kesan dan akibat terhadap hubungan Amerika Syarikat-Indonesia sekiranya Sukarno meneruskan polisi-polisinya terhadap Malaysia yang seterusnya menyebabkan tindakan ganas Indonesia terhadap negara-negara jirannya. Kedua adalah meneruskan hasrat Amerika Syarikat agar Indonesia, Malaysia dan Filipina untuk bertemu dan berbincang ke arah 'Penyelesaian Asia' (*Asian Solution*) terhadap Konfrontasi.<sup>40</sup> Menurut Robert Kennedy, sengketa antara Malaysia dan Indonesia adalah satu perkara yang mesti diselesaikan oleh negara-negara Asia bukan oleh pihak-pihak luar.<sup>41</sup> Inisiatif keamanan Amerika ini merupakan tindakbalas terhadap meningkatnya kegusaran Amerika terhadap situasi ketenteraan di Borneo Utara dan kebimbangan konflik ini akan merebak. Amerika berasa gusar mengenai kemungkinan merebaknya konflik di Borneo Utara disebabkan oleh ucapan yang dibuat oleh Menteri Pertahanan British, Peter Thorneycroft di awal bulan Januari. Thorneycroft dilaporkan berkata perang berskala besar boleh meletus disebabkan oleh serangan Indonesia ke atas Sarawak dan Borneo Utara.<sup>42</sup>

Sehubungan dengan itu, Amerika Syarikat bersedia mempertahankan Malaysia dengan angkatan bersenjata sekiranya diserang oleh Indonesia dan pentadbiran Amerika Syarikat berpendapat Sukarno harus dimaklumkan mengenai hal ini. Presiden Johnson juga mahu Presiden Sukarno mengetahui bahawa Amerika Syarikat bersedia menentang pencerobohan dari mana-mana pihak di Asia Tenggara. Sementara itu Pejabat Hal Ehwal Luar Britain mengalu-alukan "sebarang pengaruh untuk bersikap sederhana" yang dapat didesak oleh Kerajaan Amerika Syarikat ke atas Indonesia dalam konfrontasi dengan Malaysia. Di samping itu, Duta New Zealand, George Laking juga telah menyuarakan harapan bahawa tugas Kennedy di Timur Jauh akan memberi pengertian kepada Indonesia tentang kepentingan untuk bertindak dengan bijak. Selepas mengunjungi Jabatan Negara di Washington, Laking memberitahu wartawan bahawa dasar konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia itu sangat membimbangkan kerajaan Amerika Syarikat.<sup>43</sup>

Peguam Negara Robert Kennedy telah mengadakan perjumpaan dengan Sukarno dan Subandrio di Tokyo Jepun dalam bulan Januari 1964. Dalam perjumpaan itu Sukarno bersetuju untuk menghentikan konfrontasi ketenteraan

di sempadan Kalimantan sebagai langkah persediaan untuk mengadakan perjumpaan tiga pihak di antara wakil-wakil dari Malaysia, Indonesia, dan Filipina. Peguam Negara Kennedy juga menegaskan bahaya yang serius jika konfrontasi ketenteraan merebak dan Amerika Syarikat inginkan penyelesaian yang aman dalam konflik ini dicapai. Di samping itu, Kennedy juga memaklumkan kepada Sukarno yang beliau akan membincangkan mengenai pertemuan tiga pihak dengan Tunku dalam lawatannya ke Kuala Lumpur. Kennedy juga memaklumkan kepada Sukarno adalah tidak munasabah untuk mengharapkan Malaysia datang ke meja rundingan bagi menyelesaikan konflik sekiranya konfrontasi ketenteraan diteruskan.<sup>44</sup> Sukarno juga telah memberitahu Robert Kennedy di Tokyo bahawa dia juga mahu tentera-tentera British dikeluarkan dari kawasan Malaysia di Sarawak dan Sabah.<sup>45</sup>

Akhbar Washington Star melaporkan “Sungguhpun Presiden Indonesia Sukarno telah bersumpah akan menghancurkan Malaysia, tetapi negara itu tidak berdiri keseorangan” dan Presiden Sukarno “telah bersikap sederhana sedikit” setelah melihat ancamannya hendak menghancurkan Malaysia mendapat tentangan keras daripada beberapa negara Barat. Ini jelas apabila Australia dan New Zealand sedia menolong secara ketenteraan manakala Britain dengan rasminya telah berikrar akan mempertahankan Malaysia menghadapi sebarang pencerobohan. Jaminan dalam pertahanan Malaysia ini telah diulangi dengan nada yang keras oleh Menteri Pertahanan British Thorneycroft. Di samping itu, akhbar The Age Melbourne melaporkan Australia menyediakan peralatan strategik untuk pertahanan dan latihan latihan khas tentera untuk memperkuat pasukan bersenjata Malaysia. Keputusan kerajaan Australia ini diambil selepas mengkaji perkembangan terakhir yang timbul dari konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia. Bantuan yang diberikan kepada Malaysia adalah serupa dengan yang diberikan kepada Vietnam Selatan, Pakistan, dan Thailand.<sup>46</sup>

Dalam pada itu misi Robert Kennedy berjaya meyakinkan Malaysia, Indonesia dan Filipina untuk bertemu di Bangkok di antara bulan Februari dan Mac 1964. Namun begitu pertemuan ini gagal menyelesaikan Konfrontasi. Antara faktor kegagalan tersebut kerana Malaysia dan Indonesia gagal mencapai persetujuan mengenai terma gencatan senjata dan pengunduran gerila yang disokong oleh Indonesia dari Borneo Utara. Malaysia mendakwa Indonesia berulang kali melanggar syarat gencatan senjata yang diatur oleh Peguam Negara Kennedy.<sup>47</sup> Sementara itu Presiden Macapagal mengambil inisiatif dan merayu kepada Tunku dan Sukarno untuk mengadakan sidang puncak kedua dalam semangat Persetujuan Manila dan Maphilindo.<sup>48</sup> Tunku tetap bertegas dan terus meminta agar Sukarno mengundurkan gerila Indonesia sebelum perbincangan boleh dimulakan. Sukarno, walau bagaimana pun tetap dengan pendirian perbincangan mesti dimulakan sebelum pengunduran gerila. Kebuntuan ini berakhir apabila Sukarno setelah didesak oleh Jones, bersetuju pengunduran gerila dilakukan serentak dengan penyambungan

semula rundingan.<sup>49</sup> Tindakan Sukarno ini telah dibantah oleh Partai Komunis Indonesia dan mengkritik sikap pemerintah Indonesia yang semakin lemah terhadap Malaysia.<sup>50</sup>

Dalam pada itu, Jabatan Negara Amerika Syarikat telah memberikan arahan yang khusus kepada Duta Amerika di Jakarta, Kuala Lumpur, Manila dan Bangkok untuk tidak memberikan sebarang cadangan mengenai konflik di antara Malaysia dan Indonesia kerana bepegang pada pendapat konflik mesti diselesaikan oleh negara Asia sendiri. Dalam telegram bertarikh 31 Januari 1964, Jabatan Negara menyatakan “*[The State] Department does not want any of our Ambassadors [to] take initiatives to impose US ideas upon Asian principals themselves, but we do consider it important that there be consensus among Ambassadors as well as between ambassadors and departments*”.<sup>51</sup> Amerika Syarikat juga bersetuju dengan permintaan Malaysia agar gencatan senjata dicapai sebelum sebarang perbincangan bermula. Telegram dari Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur kepada Setiausaha Negara menyatakan Amerika Syarikat bersetuju bahawa Malaysia tidak boleh memulakan rundingan dengan senjata diacukan di kepala mereka. Pada masa itu senjata masih belum dialihkan. Sekiranya pertemuan di Bangkok ingin berjaya langkah pertama ialah mengalihkan senjata.<sup>52</sup>

Seawal bulan Januari 1964, Amerika Syarikat telah mengariskan pendiriannya dalam penyelesaian yang ingin dicapai dalam menyelesaikan pertikaian Indonesia-Malaysia. Pendirian Amerika ialah sebarang penyelesaian tidak seharusnya menjejaskan kedudukan dan kepentingan keselamatan Amerika Syarikat dan sekutunya dirantau Asia Tenggara.<sup>53</sup> Dalam telegram bertarikh 31 Januari 1964, Jabatan Negara menyatakan dengan jelas mengenai keputusan minimum yang mungkin dicapai dalam perundingan ke arah penyelesaian pertikaian.<sup>54</sup> Keputusan minimum yang boleh diterima ialah:

- 1) Serangan Indonesia ke atas Malaysia dalam bentuk pencerobohan gerila dan aktiviti pengganas mesti dihentikan
- 2) Kedaulatan dan integriti wilayah Malaysia mesti dikekalkan
- 3) Orientasi asas Malaysia dan Filipina sebagai ahli kepada sistem perikatan Dunia Bebas tidak boleh dikompromi samada secara langsung atau tidak langsung.
- 4) Keselamatan Asia Tenggara bergantung kepada kehadiran kuasa Barat yang mencukupi bagi mengekang Blok Komunis sehingga masanya tiba walaupun masih jauh di hadapan, bagi Asia Tenggara mampu mempertahankan diri mereka sendiri. Tiada sebarang penyelesaian yang menyebabkan pengunduran awal tentera Amerika Syarikat atau United Kingdom atau peningkatan masalah dan kesukaran kepada Amerika Syarikat dan United Kingdom dalam mengekalkan kententeraannya. Penempatan ketenteraan Britain di

Malaysia mestilah dikekalkan sehingga Malaysia dan Britain secara sukarela menentukan kehadiran tentera tersebut tidak diperlukan lagi. Pengkalan tentera Amerika Syarikat di Filipina hendaklah diiktiraf sebagai urusan dalam hubungan dua hala di antara Amerika Syarikat dan Filipina dan tidak menjadi sebarang isu kepada dua pihak yang lain.

Selain dari pencapaian minimum dalam penyelesaian kepada pertikaian, Amerika Syarikat juga berhasrat langkah-langkah tambahan perlu diambil oleh kedua-dua Malaysia dan Indonesia yang mengandungi:

- 1) Penyambungan semula hubungan diplomatik antara Malaysia, Indonesia, dan Filipina.
- 2) Persetujuan mengenai kaedah penyelesaian kepada tuntutan Filipina ke atas Sabah secara muktamad.
- 3) Pemberhentian semua aspek konfrontasi secara politik dan propaganda Indonesia terhadap Malaysia dan semua tindakbalas Malaysia terhadap Indonesia
- 4) Pemulihan penuh perdagangan dan pengangkutan di antara Indonesia dan Malaysia; dan
- 5) Menarik balik boikot ekonomi oleh Indonesia ke atas Malaysia dan semua tindakbalas Malaysia dalam hal ini.<sup>55</sup>

Menjelang bulan Mei 1964, Amerika Syarikat telah menyatakan dengan jelas kepada Indonesia mengenai pendirian tidak setuju mereka terhadap polisi anti-Malaysia dan penentangan kepada penggunaan ketenteraan Indonesia bagi melaksanakan polisi tersebut.<sup>56</sup> Tekanan Amerika Syarikat ke atas Indonesia telah dilaksanakan secara langsung melalui dialog di antara Duta Jones dengan Sukarno dan Subandrio, Misi Robert Kennedy, serta perutusan Presiden. Sementara itu pendekatan secara tidak langsung Amerika Syarikat pula ialah dengan mengurangkan bantuan ekonomi dan ketenteraan Amerika yang telah menyebabkan ketegangan ekonomi kepada Indonesia.

Amerika Syarikat telah menjemput Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Malaysia untuk melakukan lawatan rasmi ke Amerika Syarikat selama dua hari dari 22 Julai 1964, selepas Tunku menghadiri Konferens Perdana Menteri Komanwel di London.<sup>57</sup> Jemputan ini menggembirakan Malaysia. James Bell pengganti Baldwin selaku Duta Amerika Syarikat di Kuala Lumpur, menjelaskan yang Malaysia sangat mengambil berat mengenai keadaan yang semakin merosot dalam pertikaian dengan Indonesia dan Tunku melihat jemputan ini sebagai satu sokongan dari Amerika Syarikat terhadap konfrontasi dengan Indonesia.<sup>58</sup> Sebelum berlepas ke Washington Tunku juga telah menyatakan beliau mahukan lebih daripada simpati dan sokongan moral pemerintah Amerika Syarikat. Sewaktu tiba di Amerika Syarikat,

Tunku menjelaskan beliau tidak akan meminta bantuan ketenteraan daripada Presiden Johnson tetapi memaklumkan sekiranya Amerika Syarikat ingin membantu beliau berasa sangat gembira menerima bantuan tersebut. Tunku juga menjelaskan bahawa Konfrontasi sebenarnya adalah satu peperangan dan beliau inginkan Amerika Syarikat mengambil tindakan lebih tegas terhadap Indonesia yang menggunakan kekerasan dan paksaan dalam pertikaian tersebut.<sup>59</sup>

Tunku sangat gembira apabila Amerika Syarikat berhasrat memberikan bantuan ketenteraan kepada Malaysia. Presiden Johnson menawarkan latihan kepada pasukan tentera Malaysia di Amerika Syarikat. Perbincangan di antara Ketua Turus Angkatan Tentera Malaysia dengan pihak Amerika Syarikat akan diadakan mengenai hal ini. Presiden Johnson juga mengulangi pendirian Amerika Syarikat untuk menyokong Malaysia yang bebas dan merdeka dan juga untuk usaha-usaha Malaysia bagi mengekalkan keselamatan dan kedaulatannya.<sup>60</sup> Tunku sangat gembira dengan sokongan terbuka Amerika Syarikat ini, namun Robert Komer sorang ahli Majlis Keselamatan Kebangsaan Amerika Syarikat bimbang yang Tunku akan menggunakan lawatannya ke Washington sebagai satu platform untuk bersikap lebih anti-Indonesia dengan lebih keras.<sup>61</sup> Komer mencadangkan Presiden Johnson mengingatkan Tunku supaya lebih berhati-hati dan tidak bertindak balas dalam hubungan dengan Sukarno. Selain daripada itu, Komer juga mencadangkan Presiden Johnson supaya berhati-hati dan tidak membiarkan Tunku menganggap dirinya mempunyai 'blank check' untuk jualan kredit dan latihan daripada Amerika Syarikat.<sup>62</sup>

Amerika Syarikat kemudiannya menunjukkan minat untuk hubungan politik yang lebih rapat dengan Malaysia melalui kelulusan terhadap permintaan Malaysia untuk kapal perang Amerika dari 'Seventh Fleet' supaya singgah di Port Swettenham.<sup>63</sup> Malaysia inginkan kehadiran kapal perang ini sebagai penghalang kepada tindakan ganas Indonesia. Hubungan rapat yang ditunjukkan oleh Malaysia dan Amerika Syarikat ini walau bagaimana pun telah digunakan oleh Indonesia dan Komunis yang mendakwa Malaysia adalah hasil sebuah neo-kolonialisme. Komunis China telah mendakwa kehadiran kapal perang Amerika Syarikat sebagai cubaan untuk memaksa penduduk Kalimantan Utara dan Indonesia untuk tunduk kepada kehendak Amerika Syarikat dan sokongan Presiden Johnson terhadap polisi kolonial British di kawasan Malaysia adalah sebagai pertukaran terhadap sokongan British terhadap perang yang dilancarkan oleh Amerika Syarikat di Vietnam Selatan.<sup>64</sup> Dalam bulan November 1964 melalui ruangan komentarnya, *Peking Review* menyatakan Britain telah menghantar pasukan pertahanan tentera darat, tentera laut dan tentera udara Amerika Syarikat ke Malaysia bagi melaksanakan program bantuan ketenteraan Amerika Syarikat yang dibincangkan oleh Presiden Johnson dan Tunku Abdul Rahman dalam bulan Julai.<sup>65</sup> *Peking Review* dan *Peoples's Daily* dengan jelas menyokong konfrontasi Indonesia

terhadap Malaysia dan hal ini menyebabkan sikap anti-komunis dan anti-China di Malaysia semakin kuat. Sikap ini juga menjurus kepada pembukaan Konsulat Taiwan di Kuala Lumpur dalam bulan November 1964.<sup>66</sup>

### Isu Konfrontasi di Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu

Menjelang pertengahan bulan Ogos 1964, Indonesia telah meningkatkan kempen menghancurkan Malaysia dan beberapa pasukan kecil gerila telah mendarat di pantai barat negeri Johor dan menjadikan Semenanjung Malaysia diserang buat pertama kali. Amerika Syarikat telah dimaklumkan mengenai pendaratan gerila di Johor dan di lima kawasan lain di antara Melaka dan Singapura seterusnya bersetuju untuk menyokong Malaysia membawa kes ini ke Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu.<sup>67</sup> Amerika Syarikat merasakan Malaysia patut membawa kes Majlis keselamatan dengan bukti yang kukuh seperti keputusan soal-siasat dengan gerila yang ditangkap.

Amerika Syarikat juga gusar mengenai perbincangan Britain untuk bertindak balas sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Keselamatan. Dalam perbincangan itu Earl Mountbatten of Burma, Ketua Staf Pertahanan British mencadangkan serbuan kecil ala-komando untuk menangkap gerila sementara Duncan Sandys, Setiausaha Negara untuk Hal Ehwal Komanwel British mencadangkan serangan udara. Peter Thorneycroft, Menteri Pertahanan British mengulas yang British berharap agar dapat mengelakkan sebarang kejadian yang boleh menyebabkan krisis merebak tetapi hasrat ini telah menimbulkan kekangan mengenai kaedah tindakbalas yang ingin diambil.<sup>68</sup> Cadangan-cadangan pegawai British ini telah dipandang serius oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat. Dalam telegram kepada kedutaan di London, Rusk menekankan yang Amerika Syarikat tidak memberikan '*a blank check*' dan kebebasan kepada penggunaan pasukan Amerika Syarikat dalam krisis yang merebak tanpa persetujuan penuh dan persefahaman yang mutlak di antara ketua-ketua kerajaan Britain dan Amerika Syarikat.<sup>69</sup> Amerika Syarikat tidak dapat menerima idea yang Britain mengendalikan krisis ini dengan liabiliti yang terhad dan Britain mesti menyandarkan tindakan mereka dengan kesediaan untuk menerima sebarang kesan dan akibat dari tindakan tersebut. Pernyataan Amerika Syarikat ini telah menyebabkan Britain memikirkan semula niatnya untuk menyerang Indonesia. Duncan Sandys telah membalas kenyataan tersebut kepada kedutaan Amerika Syarikat di London dan menyatakan Britain berterima kasih atas sokongan Amerika Syarikat terhadap Malaysia di Majlis Keselamatan dan Britain tidak mengharapkan '*a blank check*' dari Amerika Syarikat dan juga tidak merancang untuk bertindak balas melainkan terdapat keganasan lain dari Indonesia. Sandys menyatakan sekalipun terdapat serangan balas ianya adalah terhad dan mencadangkan Amerika Syarikat tidak perlu memberi peringatan kepada British agar tidak mengambil kesempatan atas keadaan yang berlaku.<sup>70</sup>



Pada 3 September 1964 Malaysia memohon mesyuarat tergempar Majlis Keselamatan untuk membincangkan keganasan Indonesia terhadap Malaysia yang dibuktikan melalui pendaratan pasukan payung terjun di Labis, Johor. Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan keadaan darurat di dalam negara dan memanggil Mesyuarat Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu di bawah Artikel 39, Piagam PBB dan mendakwa tindakan Indonesia sebagai “*a blatant and inexcusable aggression against a peaceful neighbour, an act which is in itself a breach of the peace and involves a threat to international peace and security in the area*”.<sup>71</sup>

Misi Malaysia di PBB telah diketuai oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kehakiman Dato Dr. Ismail Bin Dato Abdul Rahman. Dato Ismail membentangkan kes Malaysia kepada PBB dan menjelaskan pengguguran tiga platoon askar payung terjun yang lengkap bersenjata oleh Indonesia di selatan Semenanjung Malaysia sebagai “*a blatant aggression*”.<sup>72</sup> Malaysia meminta PBB mengutuk tindakan tersebut dan meminta jaminan dari Indonesia untuk tidak mengulang kembali tindakan sedemikian di masa hadapan dan mengendurkan keganasan yang telah dilakukan.<sup>73</sup>

Duta Amerika Syarikat ke PBB, Adlai Stevenson menyatakan Amerika Syarikat memandang serius dakwaan Malaysia di Majlis Keselamatan dan menganggap pendaratan tentera Indonesia di Malaysia pada 2 September 1964 sebagai satu tindakan keganasan dan delegasi Amerika Syarikat di PBB berasa kesal dengan peristiwa tersebut.<sup>74</sup> Stevenson juga meminta Majlis Keselamatan untuk menggesa supaya serangan bersenjata ke atas Malaysia dihentikan dan membantu pihak-pihak yang bertelagah mewujudkan keadaan dan iklim dimana perundingan berasaskan isu-isu dan perbezaan pendapat boleh diadakan dengan kemungkinan untuk mencapai perdamaian.<sup>75</sup>

Majlis Keselamatan bertemu untuk membincangkan kes yang dibawa oleh Malaysia dari 9 hingga 17 September 1964. Selepas enam pertemuan, Norway telah merangka draf resolusi yang menyatakan kekesalan yang mendalam terhadap tindakan keganasan Indonesia ke atas Malaysia. Resolusi itu telah menerima sembilan undi menyokong. Czechoslovakia mengundi menentang resolusi tersebut manakala Soviet Union telah menggunakan kuasa veto dalam menentang resolusi tersebut. Stevenson telah mengutuk tindakan Soviet Union dan menyatakan perasaan kesal dan terkejut dengan wakil dari Soviet Union yang telah menghalang Majlis Keselamatan daripada menjalankan tugasnya dengan cara yang dianggap sangat jelas diperlukan.<sup>76</sup> Kuasa veto yang digunakan oleh Soviet Union bagi pihak Indonesia telah membuktikan kebenaran dakwaan Perdana Menteri Malaysia bahawa pihak komunis berada di belakang tindakan Sukarno terhadap Malaysia.<sup>77</sup> Walaupun kes Malaysia telah ditolak, undian 9-2 yang berpihak kepada Malaysia merupakan satu kemenangan moral.<sup>78</sup> Malaysia juga melihat pendirian Amerika Syarikat di Majlis Keselamatan sebagai satu pengesahan sokongan Amerika terhadap Malaysia.<sup>79</sup>

Manakala di pihak Amerika Syarikat, veto yang digunakan oleh Soviet Union telah mengelakkan pentadbiran Johnson dari masalah yang baharu. Dalam telegram dari Jabatan Negara, Rusk menyatakan bahawa resolusi mengutuk tindakan Indonesia berjaya dicapai, perisytiharan Indonesia sebagai “*aggressor*” akan menyebabkan Amerika Syarikat berdepan dengan masalah lain iaitu kemungkinan menjurus kepada tindakan wajib oleh Presiden untuk menyekat bantuan kepada Indonesia sebagaimana yang dinyatakan di bawah Pindaan Gruening.<sup>80</sup> Kegagalan resolusi ini dicapai bermakna Amerika Syarikat masih boleh menyalurkan bantuan kepada kerajaan Indonesia bagi mengelakkan Indonesia daripada terus berpaling kepada Blok Komunis untuk bantuan.

### **Penamatan Konfrontasi**

Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak berjaya menyelesaikan Konfrontasi. Malah beberapa minggu selepas persidangan Majlis Keselamatan, terdapat tiga pencerobohan besar dilakukan oleh Indonesia di Borneo. Pada penghujung bulan September dan Disember 1964, dan awal bulan Mac 1965, serbuan dari laut iaitu merentasi Selat Melaka telah dilancarkan oleh Indonesia dari Sumatera.<sup>81</sup> Walau bagaimanapun, serangan ini dengan mudah dipatahkan oleh pihak berkuasa Malaysia. Kebanyakan komando yang dihantar oleh Indonesia telah menyerah diri atau telah ditangkap oleh pasukan bersenjata Malaysia.

Sementara itu pada pertengahan tahun 1965, pertembungan kuasa di antara Partai Komunis Indonesia dan Angkatan Tentera Indonesia telah berlaku di Jakarta. Pada petang 1 Oktober 1965, percubaan rampasan kuasa oleh pihak Komunis telah berjaya dipatahkan oleh tentera Indonesia di bawah arahan General Suharto. Peristiwa ini telah menyebabkan penghapusan pengaruh komunis dalam kerajaan Indonesia dan seterusnya pengharaman PKI. Pihak komunis yang bertanggungjawab dalam polisi konfrontasi ketenteraan dan ekonomi Indonesia terhadap Malaysia telah kehilangan pengaruh mereka di Indonesia.<sup>82</sup> Pada 18 Oktober 1965, kerajaan Indonesia mengumumkan pengharaman PKI di kawasan Jakarta dan ahli-ahli PKI diarahkan menyerah diri di pos tentera atau balai polis.<sup>83</sup> Tentera Indonesia kemudiannya menangkap pemimpin-pemimpin komunis dan penyokong-penyokong mereka.

Dalam bulan Mac 1966, Sukarno telah menyerahkan kuasa presiden kepada Suharto.<sup>84</sup> Perubahan kepimpinan kerajaan di Indonesia ini telah mengubah sikap terhadap Malaysia seterusnya membawa kepada rundingan damai yang baru di Bangkok diantara Menteri Luar Adam Malik dari Indonesia dan Timbalan Perdana Menteri Malaysia Tun Abdul Razak. Sekembalinya dari Bangkok pada 2 Jun 1966, Tun Razak memberitahu sidang akhbar bahawa perdamaian telah dipersetujui di antara Malaysia dan Indonesia dan Konfrontasi akan berakhir.<sup>85</sup> Pada 3 Jun, Setiausaha Luar Filipina, Narciso

Ramos mengumumkan pengiktirafan terhadap Malaysia dan memaklumkan janji Presiden Ferdiand E. Marcos untuk mewujudkan hubungan diplomatik penuh dengan Malaysia.<sup>86</sup>

Persidangan Bangkok telah membuka jalan ke arah perjanjian damai di antara Indonesia dan Malaysia yang ditandatangani pada 11 Ogos 1966.<sup>87</sup> Perjanjian ini ditandatangani oleh Menteri Luar Adam Malik dari Indonesia dan Timbalan Perdana Menteri Malaysia Tun Abdul Razak. Perjanjian ini telah menamatkan tindakan ganas oleh kedua-dua negara, peryambungan semula hubungan diplomatik dan memberikan peluang kepada penduduk Malaysia untuk mengesahkan kembali persetujuan dan status kedudukan dalam Malaysia.<sup>88</sup> Kerajaan Indonesia tidak mengenakan pra-syarat yang ketat bagi mengakhiri Konfrontasi atau meminta referendum diadakan di Borneo. Indonesia cuma inginkan hasrat majoriti penduduk di Borneo telah diterjemahkan dengan betul.

## **Kesimpulan**

Polisi Konfrontasi yang dilancarkan oleh Indonesia dirancang bertujuan untuk menjatuhkan Malaysia sehingga satu penyelesaian yang menguntungkan Indonesia dicapai. Polisi ini telah dipengaruhi dengan kuat oleh Partai Komunis Indonesia yang secara konsisten menolak idea dan pembentukan Malaysia. Polisi ini mendakwa Indonesia ingin 'membebaskan Malaysia dari neo-kolonialisme' dan membantu Malaysia mencapai 'kemerdekaan sebenar'. Dakwaan ini tidak boleh diterima oleh Malaysia kerana Malaysia dibentuk dengan persetujuan penduduk di Sarawak, Borneo Utara, dan Singapura.

Ketika Konfrontasi berlangsung dari 1963-1965, Amerika Syarikat berada dalam kedudukan yang sukar kerana Amerika Syarikat perlu mengekalkan hubungan baik dengan kedua-dua Malaysia dan Indonesia serta situasi yang kompleks akibat ancaman komunis di Asia Tenggara. Amerika Syarikat dengan serius cuba untuk mengelakkan keganasan dari merebak dengan menggalakkan perbincangan dan pertemuan dan meminta Thailand menjadi orang tengah. Amerika Syarikat kemudiannya melantik Peguam Negara Robert Kennedy untuk mengetuai misi damai. Robert Kennedy berjaya membawa Malaysia, Indonesia, dan Filipina ke meja rundingan di Bangkok dalam bulan Februari dan Mac 1964 tetapi rundingan ini gagal menyelesaikan Konfrontasi.

Konfrontasi juga mengheret negara Komanwel terutamanya Britain, Australia, dan New Zealand yang menyatakan komitmen bagi mempertahankan Malaysia. Perjanjian Pertahanan Anglo-Malayan yang sedia wujud sebelum Konfrontasi secara automatik telah meliputi seluruh negeri-negeri baru Malaysia. Amerika Syarikat juga terikat secara tidak langsung kepada pertahanan Malaysia menerusi Perjanjian ANZUS, iaitu perjanjian antara Amerika Syarikat, Australia, dan New Zealand yang memperuntukan

bantuan ketenteraan sekiranya tentera negara ahli perjanjian diserang. Walaupun Malaysia tidak menjadi ahli SEATO, Malaysia juga dilindungi oleh SEATO kerana Perjanjian Pertahanan Anglo Malayan bersama Britain yang merupakan ahli SEATO.

Dalam membentuk polisi di Asia Tenggara, Amerika Syarikat mengakui perhatian harus diberikan terhadap hubungannya dengan British. Amerika Syarikat memahami yang British menghadapi kekangan kewangan dan berhasrat untuk mengurangkan perbelanjaan mereka di rantau ini melalui penubuhan Malaysia. Hal ini terutamanya dalam perbelanjaan untuk pertahanan dan untuk pembangunan ekonomi.

Tahun-tahun 1963 hingga 1966 telah menyaksikan hubungan di antara Malaysia dan Amerika Syarikat memasuki peringkat yang baharu. Walaupun Amerika Syarikat bercadang untuk tidak terlibat dalam pertikaian Malaysia-Indonesia, Amerika Syarikat akhirnya secara terbuka berpihak kepada Malaysia. Sokongan ini dizahirkan melalui jemputan kepada Perdana Menteri Malaysia Tunku Abdul Rahman untuk melawat Washington. Bantuan ketenteraan juga telah ditawarkan kepada Malaysia. Amerika Syarikat juga dengan kuat menyokong kes Malaysia di Majlis Keselamatan PBB. Tindakan ini telah menyebabkan hubungan politik yang semakin rapat di antara Malaysia dan Amerika Syarikat. Kepentingan hubungan Malaysia-Amerika Syarikat dalam era Konfrontasi juga telah menterjemahkan dasar luar Malaysia yang pro Barat.

### Nota Akhir

1. Special National Intelligence Estimate, 20 Februari 1963, *Foreign Relations of the United States* (selepas in *FRUS*) 1961-1963 *Vol XXIII Southeast Asia*, ms. 712 – 717.
2. Special National Intelligence Estimate, 20 Februari 1963, *Foreign Relations of the United States* (selepas in *FRUS*) 1961-1963 *Vol XXIII Southeast Asia*, ms. 712 – 717.
3. Artikel khas oleh CIA Office of Current Intelligence bertarikh 25 Oktober 1963, SC No 00615/63. The John F. Kennedy National Security Files, Box 140-153, Microfilm 7-0135, Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. (selepas ini PHS. USM, Pulau Pinang).
4. NSC 6012, Statement of Policy On U.S. Policy in Mainland Southeast Asia, 25 Julai 1960, *FRUS 1958-1960 Vol XVI Southeast Asia*, ms 209 - 223.
5. *ibid.*
6. Lihat 'Memorandum from Secretary of State Rusk to President Kennedy', *FRUS 1961-1963 Vol XXIII Southeast Asia* ms. 710, nota kaki no 2.

7. Tun Abdul Razak melakukan lawatan ke Washington dari 22 April sehingga 25 April.
8. Memorandum of Conversation, 24<sup>th</sup> April 1963, *FRUS 1961-1963 Vol XXIII Southeast Asia*, ms 718- 720. Perbualan ini melibatkan Tun Abdul Razak, Dato Ong Yoke Lin, Presiden Kennedy, Pembantu Setiausaha Jabatan Negara bagi Hal Ehwal Timur Jauh Mr. Hilsman, Duta Amerika Syarikat ke Tanah Melayu Mr. Baldwin; dan Timbalan Ketua Protokol Mr Tonesk.
9. Memorandum from Secretary of State Rusk to President Kennedy, 17 February 1963, *FRUS 1961-1963 Vol XXIII Southeast Asia*, ms. 710 - 711.
10. NSC 6012, Statement of Policy On U.S. Policy In Mainland Southeast Asia 25<sup>th</sup> July 1960, *FRUS 1958-1960 Vol XVI Southeast Asia*, ms. 209 - 223.
11. Special article by CIA Office of Current Intelligence dated 25 October 1963, SC No 00615/63. The John F. Kennedy National Security Files, Box 140-153, Microfilm 7-0135, PHS, USM, Pulau Pinang.
12. *ibid.*
13. Hilsman, *To Move a Nation*, ms 392.
14. Memorandum for the Australian Ambassador (Beale) 4<sup>th</sup> October 1963, *FRUS 1961-1963 Vol XXIII Southeast Asia*, ms. 734 – 736.
15. *ibid.*
16. *ibid.*
17. *ibid.*
18. Memorandum of Conversation, 4<sup>th</sup> October 1963, *FRUS 1961-1963 Vol XXIII Southeast Asia*, ms 737-738.
19. Memorandum from the Department of State to President Kennedy 14<sup>th</sup> October 1963, *FRUS 1961-1963 Vol XXIII Southeast Asia*, ms. 743 - 747.
20. Quadripartite Meeting on Indonesia and Malaysia, in Memorandum of Conversation, 18<sup>th</sup> October 1963, *FRUS 1961-1963 Vol XXIII Southeast Asia*, ms. 753 – 756.
21. Memorandum of Conversation 2<sup>nd</sup> October 1963, *FRUS 1961-1963 Vol XXIII Southeast Asia*, ms 730 – 734. Subjek perbincangan ini ialah mengenai Malaysia dan Indonesia, Perjanjian ANZUS; dan Bajet Pertahanan Australia. Presiden Kennedy, Australian Treasurer Mr Holt, Duta Australia Sir Howard Beale dan Pembantu Setiausaha Negara bagi Hal Ehwal Timur Jauh Mr. Hilsman terlibat dalam perbincangan ini.
22. *ibid.*
23. Sodhy, *US-Malaysia Nexus*, (Malaysia: Institute of Strategic and International Studies, 1991) ms. 228.
24. Memorandum from Secretary of State Rusk to President Johnson, 6<sup>th</sup>

- January 1964, *FRUS 1964-1968 Vol XXVI Indonesia; Malaysia-Singapore; the Philippines*, Document 1-24 ms. 4.
25. Statement of Reasons for Continuation of Limited Assistance to Indonesia, Paper Prepared by the Bureau of Far Eastern Affairs, 22<sup>nd</sup> June 1964, *FRUS 1964-1968 Volume XXVI Indonesia; Malaysia-Singapore; the Philippines*, Documents 44-63 ms. 14.
  26. Memorandum from Secretary of State Rusk to President Johnson, 6th January 1964, *FRUS 1964-1968 Vol XXVI Indonesia; Malaysia-Singapore; the Philippines*, Document 1-24 ms. 4.
  27. Sodhy, *US-Malaysia Nexus*, ms. 245.
  28. *Berita Harian*, 16 November 1963.
  29. *Berita Harian*, 15 Januari 1964.
  30. Sodhy, *US-Malaysia Nexus*, ms. 246.
  31. Mackie, *Konfrontasi*, p. 223.
  32. Telegram from state Department to Jakarta, Kuala Lumpur, Manila and Bangkok Embassies 31 January 1964. The Lyndon B. Johnson National Security Files, Asia and The Pacific 1963-1969, Microfilm 13-0038. PHS, USM, Pulau Pinang.
  33. Airgram from Kuala Lumpur Embassy to State Department 17 January 1964. The Lyndon B. Johnson National Security Files, Asia and The Pacific 1963-1969, Microfilm 13-0006, PHS, USM, Pulau Pinang.
  34. Hilsman, *To Move A Nation*, ms. 407.
  35. *ibid.*, ms. 395.
  36. Telephone Conversation between President Johnson and Secretary of Defence McNamara 2<sup>nd</sup> January 1964. *FRUS 1964-1968 Volume XXVI Indonesia; Malaysia-Singapore; the Philippines* Documents 1-24 ms. 1.
  37. Airgram from Kuala Lumpur Embassy to State Department 17 January 1964. The Lyndon B. Johnson National Security Files, Asia and The Pacific 1963-1969, Microfilm 13-0006, PHS, USM, Pulau Pinang.
  38. *ibid.*
  39. Sodhy, *US-Malaysia Nexus*, p. 253.
  40. Memorandum from the Executive Secretary of the Department of State (Read) to the President's Special Assistant for National Affairs (Bundy) 13<sup>th</sup> January 1964. *FRUS 1964-1968, Volume XXVI Indonesia; Malaysia-Singapore; the Philippines* Documents 1-24, ms.17. Lihat juga Rohani Hj Abd Ghani dan Zullilmi Paidi, "The Role of the United States and The "Asian Solution" Approach in the Malaysia-Indonesia Confrontation (1963-1966)", *Journal of International Studies* (JIS), 9. pp. 1-16. ISSN 1823-691X
  41. *Berita Harian* 17 Januari 1964.

42. Michael Leifer, "Anglo-American Differences Over Malaysia", *The World Today*, Vol 20, No 4, 1964, ms. 156 – 166.
43. *Berita Harian*, 16 Januari 1964.
44. Telegram from the Embassy in Japan to the Department of State, 17<sup>th</sup> January 1964. *FRUS 1964-1968 Volume XXVI Indonesia; Malaysia-Singapore; the Philippines*, Documents 1-24, ms. 21.
45. *Berita Harian*, 17 January 1964.
46. *ibid.*
47. Memorandum from Michael V. Forrestal of the National Security Council Staff to the President's Special Assistant for National Security Affairs (Bundy). 5<sup>th</sup> March 1964. *FRUS 1964-1968 Volume XXVI Indonesia; Malaysia-Singapore; the Philippines* Documents 1-24, ms. 10.
48. Sodhy, *US-Malaysia Nexus*, ms. 255.
49. Howard Palfrey Jones, *Indonesia: The Possible Dream*, (New York: Hoover Institution Publications, 1971) ms. 304.
50. Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj, *Looking Back*, (Kuala Lumpur: Pustaka Antara 1977) ms. 107.
51. Telegram from state Department to Jakarta, Kuala Lumpur, Manila and Bangkok Embassies 31 January 1964. *The Lyndon B. Johnson National Security Files, Asia and The Pacific 1963-1969*, Microfilm 13-0038, PHS, USM, Pulau Pinang.
52. Telegram from Kuala Lumpur Embassy to Secretary of State 3<sup>rd</sup> February 1964 *The Lyndon B. Johnson National Security Files, Asia and The Pacific 1963-1969*, Microfilm 13-0065, PHS, USM, Pulau Pinang.
53. Telegram from State Department to Djarkarta, Kuala Lumpur, Manila, and Bangkok Embassies 31<sup>st</sup> January 1964, *The Lyndon B. Johnson National Security Files, Asia and The Pacific 1963-1969*, Microfilm 13-0038, PHS, USM, Pulau Pinang.
54. *ibid.*
55. *ibid.*
56. Paper for Consideration At The National Security Council Meeting, 12<sup>th</sup> May 1964 *FRUS 1964-1968 Vol XXVI Indonesia; Malaysia-Singapore; the Philippines*, Documents 44-63, ms. 7.
57. Sodhy, *US-Malaysia Nexus*, ms. 258.
58. *ibid.* 257.
59. *ibid.*
60. Joint Communique of President Johnson and Prime Minister Abdul Rahman of Malaysia, Washington, July 23, 1964, The United States and Southeast Asia, 1965, ms. 244.
61. Memorandum of Conversation, 23<sup>rd</sup> July 1963, *FRUS 1964-1968 Volume XXVI Indonesia; Malaysia-Singapore; the Philippines*,



- Documents 44-63 ms. 19.
62. ibid.
  63. Sodhy, *US-Malaysia Nexus*, ms 258.
  64. "Oppose 'Malaysia' – a product of neo-colonialism, support the struggle of the North Kalimantan people," *People's Daily* editorial, 27 March 1964 (Extracts) in R. K. Jain, (ed), *China and Malaysia, 1949-1983*, (New Delhi: Radiant Publishers, 1983) ms. 72 – 74.
  65. "Pentagon in 'Malaysia': Intervention Open and Direct," Peking Review commentary, 20<sup>th</sup> November 1964, (Extracts) in R.K. Jain, (ed) *China and Malaysia, 1949-1983*, ms. 76.
  66. Malaysia opened its consulate in Taipei in November 1966.
  67. Telegram From the Department of State to the Embassy in the United Kingdom 2<sup>nd</sup> September 1964 *FRUS 1964-1968 Volume XXVI Indonesia; Malaysia-Singapore; the Philippines*, Documents 64-88, ms. 6.
  68. ibid.
  69. ibid.
  70. ibid.
  71. Mackie, *Konfrontasi*, ms. 264.
  72. Jabatan Penerangan Malaysia, *Challenging Decade*, ms. 17.
  73. ibid.
  74. Sodhy, *US-Malaysia Nexus*, ms. 259.
  75. ibid.
  76. ibid, ms. 260
  77. Jabatan Penerangan Malaysia, *Let The World Judge*, Speeches of The Malaysian Chief Delegates to the Security Council, Dato (Dr.) Ismail Bin Dato Abdul Rahman, on 9<sup>th</sup> and 10<sup>th</sup> September 1964.
  78. Jabatan Penerangan Malaysia, *Challenging Decade*, ms. 17.
  79. Sodhy, *US-Malaysia Nexus*, ms. 260.
  80. Telegram from State Department to USUN New York 2<sup>nd</sup> October 1964. *The Lyndon B. Johnson National Security Files, Asia and The Pacific 1963-1969*, Microfilm 13-0656, PHS, USM, Pulau Pinang.
  81. Brackman, *Southeast Asia's Second Front*, (New York: Frederick A. Praeger, 1966), ms. 241.
  82. Jabatan Penerangan Malaysia, *Challenging Decade*, ms. 21.
  83. Jones, Indonesia: *The Possible Dream*, ms. 392.
  84. Dalam bulan Mac 1967, Suharto telah dinamakan sebagai Pemangku Presiden dan dalam tahun 1968 sebagai Presiden. Nota kaki dalam Jones, *Indonesia: The Possible Dream*, ms. 403.
  85. Jabatan Penerangan Malaysia, *Challenging Decade*, ms. 22.
  86. ibid., ms. 23.
  87. ibid., ms. 22.
  88. Jones, *Indonesia*, ms. 403.

## Rujukan

- Allen, Richard. 1968,. *Malaysia Prospect and Retrospect*. London: Oxford University Press.
- Berita Harian*. 16 November 1963. 15 Januari 1964, 16 Januari 1964, 17 Januari 1964.
- Brackman, Arnold C. 1966. *Southeast Asia's Second Front*, New York: Frederick A. Praeger.
- Darby, Phillip. 1973. *British Defence Policy East of Suez, 1947-1968*. London: Oxford University Press.
- Government of Malaysia, *Challenging Decade*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia, 1967.
- Government of Malaysia, *Malaysia's Case in the United Nations Security Council*, Kuala Lumpur: Ministry of External Affairs. 1964.
- Government of the United States, 1994, *Foreign Relations of the United States 1961-1963 Vol XXIII Southeast Asia*. Washington: United States Government Printing Office.
- Government of the United States. 2000. *Foreign Relations of the United States 1964-1968 Vol XXVI Indonesia; Malaysia-Singapore; the Philippines*, Washington: United States Government Printing Office.
- Hack, Karl. 2001. *Defence and Decolonisation in Southeast Asia*, Richmond: Curzon.
- Herring, George C., (ed), 1992, *The John F. Kennedy National Security Files, Asia and the Pacific: National Security Files, 1961-1963*. Bethesda: University Publication of America, an imprint of Congressional Information Services, Inc.
- Herring, George C. 1993, *The Lyndon B Johnson National Security Files, Asia and the Pacific: National Security Files, 1963-1969*. Bethesda: University Publication of America, an imprint of Congressional Information Services, Inc. 1993.
- Hilsman, Roger. 1967. *To Move A Nation*, New York: Dell Publishing Co. Inc.
- Jain, R. K.(ed), 1983. *China and Malaysia, 1949-1983*, New Delhi: Radiant Publishers.
- Jones, Howard Palfrey. 1971. *Indonesia: The Possible Dream*, New York: Hoover Institution Publications.
- Leifer, Michael. "Anglo-American Differences Over Malaysia". *The World Today*, Vol 20, No 4, 1964 pp 156 – 166.
- Leifer, Michael. "Indonesia and Malaysia: The Diplomacy of Confrontation", *The World Today* Vol 21 1965, pp 250 - 260.
- Mackie, J.A.C. 1974, *Konfrontasi The Indonesia-Malaysia Dispute 1963-1966*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Means, Gordon P. 1970, *Malaysian Politics*, New York: New York University Press.

- Poulgrain, Greg, 1998. *The Genesis of Konfrontasi Malaysia, Brunei, Indonesia 1945-1965*, Bathurst: Crawford House Publishing Ltd.
- Rohani Hj Abd Ghani dan Zulhilmi Paidi. "The Role of the United States and The "Asian Solution" Approach in the Malaysia-Indonesia Confrontation (1963-1966)", *Journal of International Studies (JIS)*, 9. pp. 1-16. ISSN 1823-691X.
- Sodhy, Pamela. 1991, *US-Malaysia Nexus*. Malaysia: Institute of Strategic and International Studies.
- Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj. 1977. *Looking Back*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

### **Nota Biografi**

Sah-Hadiyatan Ismail (sah.ismail@usm.my) memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dari University of Queensland, Australia dalam bidang Sejarah Diplomatik Amerika Syarikat. Beliau kini berkhidmat sebagai pensyarah di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Kajian beliau banyak menyentuh mengenai penglibatan Amerika Syarikat dalam konflik di Asia Tenggara dalam era selepas Perang Dunia Kedua. Hal ini terutamanya mengenai polisi Amerika Syarikat dan hubungannya dengan negara-negara sekutu seperti Britain, Australia dan New Zealand yang turut sama terlibat dalam konflik di rantau ini.